

SOALAN LAZIM **BORANG PERJANJIAN PELAJAR IBTE**

ARAHAN PENGGUNAAN:

Dokumen FAQ ini disediakan sebagai rujukan kepada ibu bapa/penjaga dan pelajar bagi membantu memahami perkara-perkara berkaitan Borang Perjanjian Pelajar IBTE serta urusan pendaftaran yang berkaitan.

Jawapan yang diberikan adalah bertujuan sebagai panduan umum. Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan atau isu yang tidak dinyatakan dalam FAQ ini, ibu bapa/penjaga adalah dinasihatkan untuk merujuk terus kepada kampus masing-masing.

TUJUAN BORANG PERJANJIAN

Kenapa anak saya perlu menandatangani Borang Perjanjian?

✔ Perjanjian ini merupakan syarat **MANDATORI (WAJIB)** bagi pengesahan kemasukan dan Pendaftaran pelajar ke IBTE. Ia menjelaskan hak, tanggungjawab dan komitmen pelajar, penjamin dan IBTE sepanjang tempoh pengajian.

TANDATANGAN PERJANJIAN

Siapa yang perlu menandatangani perjanjian ini?

✔ Perjanjian mesti ditandatangani oleh:

- Pelajar
- Dua (2) orang penjamin yang layak
- Wakil pihak IBTE

⚠ Penjamin hendaklah menandatangani sendiri dokumen dan tidak boleh mewakilkan tandatangan kepada orang lain.

PENJAMIN

Kenapa perlu dua (2) orang penjamin?

✔ Penjamin berperanan menyokong dan menjamin pelajar sepanjang tempoh perjanjian. Dua orang penjamin diperlukan sebagai jaminan tambahan sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian.

Apakah syarat untuk menjadi penjamin?

✔ Penjamin hendaklah:

- Warganegara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap (PR)
- Berumur antara 18 hingga 55 tahun
- Mempunyai pendapatan tetap
- Tidak diisytiharkan muflis
- Tidak mempunyai rekod jenayah yang boleh menjejaskan kelayakan sebagai penjamin

✦ Penjamin boleh terdiri daripada ibu bapa, penjaga, ahli keluarga atau individu yang layak.

Bolehkah seorang penjamin menjamin lebih daripada seorang pelajar?

✔ Boleh, tertakluk kepada kemampuan kewangan penjamin.

Apa berlaku jika penjamin tidak lagi layak atau meninggal dunia?

✔ Pelajar perlu menggantikan penjamin dengan segera. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan lanjut diambil.

TEMPOH PERJANJIAN

Bilakah perjanjian ini berkuat kuasa dan berapa lama tempohnya?

✔ Berkuat kuasa dari tarikh program bermula sehingga pelajar tamat pengajian atau maksimum lima (5) tahun, mengikut mana yang terdahulu.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Apakah tanggungjawab utama pelajar?

- ✓ Pelajar hendaklah:
 - Menghadiri dan menamatkan pengajian dengan baik
 - Mematuhi semua peraturan dan arahan IBTE
 - Menjaga disiplin dan sahsiah diri
 - Tidak bekerja tanpa kebenaran pihak IBTE

Jika pelajar gagal mematuhi syarat, tindakan disiplin boleh diambil.

PENARIKAN DIRI / BERHENTI

Apa berlaku jika pelajar berhenti belajar?

- ✓ Jika pelajar menarik diri:
 - **Dalam tempoh 14 hari pertama pengajian** – tiada yuran program dikenakan (kecuali item tertentu seperti Orientation Pack/Baju CCA jika berkenaan)
 - **Selepas hari ke-15** – yuran program boleh dikenakan sepenuhnya mengikut syarat yang ditetapkan

KESAN PELANGGARAN PERJANJIAN

Siapa bertanggungjawab jika berlaku pelanggaran perjanjian?

✓ Pelajar dan penjamin boleh dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan sebarang bayaran balik yang ditetapkan, termasuk:

- Elaun yang telah diterima
- Yuran pengajian
- Kos atau perbelanjaan berkaitan

Apa berlaku jika borang perjanjian tidak dihantar?

- ✓ Sekiranya borang perjanjian yang lengkap tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan:
 - Biasiswa atau bantuan kewangan boleh ditarik balik (menjejaskan pembayaran elaun)
 - Status pelajar boleh ditukar kepada self-paying
 - Tawaran kemasukan boleh dibatalkan

Bolehkah pelajar mula belajar jika perjanjian belum lengkap?

✓ Pelajar mungkin dibenarkan memulakan pengajian, namun kegagalan mengemukakan perjanjian yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan tindakan pentadbiran diambil, termasuk penarikan biasiswa atau pembatalan tawaran.

DOKUMEN DIPERLUKAN

Dokumen apa yang perlu disediakan?

- ✓ Dokumen yang perlu dihantar:
 - Dua (2) set Borang Perjanjian yang lengkap
 - Salinan Kad Pengenalan pelajar dan penjamin-penjamin
 - Dokumen sokongan lain (jika diperlukan)

PANDUAN PENGISIAN BORANG

Kenapa perlu guna pen biru?

- ✓ Untuk memastikan dokumen asal jelas dan sah.

Bolehkah menggunakan correction tape atau correction fluid?

✗ Tidak dibenarkan. Borang boleh dianggap tidak sah.

Adakah perjanjian ini perlu disetemkan?

✓ Tidak. Perjanjian pelajar IBTE tidak memerlukan setem hasil kecuali dinyatakan sebaliknya oleh pihak IBTE.

KESAN KEWANGAN DAN AKADEMIK

Apa berlaku jika ada tunggakan bayaran?

- ✓ IBTE boleh:
- Menahan keputusan peperiksaan
 - Menangguhkan pemprosesan elaun
 - Menahan pengeluaran sijil atau dokumen berkaitan

Adakah semua kes akan dikenakan bayaran balik?

✗ Tidak semestinya. Kes-kes tertentu seperti masalah kesihatan yang serius atau kematian akan dipertimbangkan berdasarkan keadaan dan tertakluk kepada keputusan IBTE.

Apakah risiko jika pelajar melanggar perjanjian?

- ✓ Pelajar mungkin:
- Dikenakan bayaran balik kos yang berkaitan
 - Tertakluk kepada tindakan pentadbiran atau perundangan yang bersesuaian

Apakah yang terjadi jika pelajar gagal menjelaskan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan,

✓ Pihak Institut berhak untuk menamatkan perjanjian ini dan pelajar tidak akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian bagi semester berikutnya.

Jika pelajar gagal dalam peperiksaan/ujian, adakah perjanjian masih berkuat kuasa?

✓ Ya. Perjanjian kekal berkuat kuasa sepanjang tempoh pengajian dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian.

NASIHAT KEPADA IBU BAPA / PENJAGA

Apakah nasihat utama kepada ibu bapa atau penjaga?

- ✓ Pastikan:
- anak memahami kandungan perjanjian sebelum menandatangani
 - semua maklumat dan dokumen adalah lengkap
 - Hantar dokumen dalam tempoh yang ditetapkan
 - Pilih penjamin yang benar-benar memenuhi syarat kelayakan

Apakah perkara paling penting yang perlu diberi perhatian sebelum menandatangani perjanjian?

- ✓ Pastikan:
- Semua maklumat diisi dengan betul dan lengkap.
 - Pelajar serta penjamin memahami semua syarat perjanjian.
 - Semua dokumen sokongan disertakan.
 - Tandatangan dibuat pada ruangan yang betul.
 - Borang dihantar sebelum tarikh akhir yang ditetapkan.

Siapa yang boleh dihubungi jika mempunyai pertanyaan mengenai perjanjian?

✓ Ibu bapa, penjaga atau pelajar boleh menghubungi Pegawai Kesejahteraan atau Penolong Pendaftar Kampus masing-masing untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Adakah pelajar perlu menyimpan salinan perjanjian?

✓ Ya. Pelajar dan penjamin disarankan menyimpan satu salinan perjanjian yang telah ditandatangani untuk rujukan pada masa hadapan.

PERKARA PENTING

1. **Baca perjanjian sebelum menandatangani.**
Tandatangan menunjukkan pelajar dan penjamin bersetuju dengan semua syarat yang terkandung dalam perjanjian.
2. **Pastikan semua maklumat adalah tepat dan lengkap.**
Maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat boleh melambatkan proses pengesahan.
3. **Gunakan pen biru dan tulisan yang jelas.**
Elakkan penggunaan pensel, correction tape atau correction fluid.
4. **Pastikan kedua-dua penjamin memenuhi syarat kelayakan.**
Penjamin yang tidak layak boleh menyebabkan borang ditolak dan perlu diganti.
5. **Simpan salinan perjanjian dan dokumen yang dihantar.**
Salinan ini boleh digunakan untuk rujukan pada masa hadapan.
6. **Hantar dokumen sebelum tarikh yang ditetapkan.**
Kelewatan menghantar dokumen boleh menjejaskan status biasiswa, elaun atau pendaftaran pelajar.

PERKARA YANG SERING MENYEBABKAN BORANG DITOLAK

- Maklumat pelajar atau penjamin tidak lengkap.
- Tandatangan pelajar atau penjamin tertinggal.
- Salinan Kad Pengenalan tidak disertakan.
- Penjamin tidak memenuhi syarat umur atau kelayakan.
- Menggunakan correction tape atau correction fluid.
- Borang dihantar selepas tarikh akhir yang ditetapkan.
- Maklumat pada borang tidak sepadan dengan dokumen sokongan.
- Ruangan yang wajib diisi dibiarkan kosong.

PERLUKAN BANTUAN?

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Borang Perjanjian Pelajar, sila hubungi Pegawai Kesejahteraan atau Penolong Pendaftar Kampus masing-masing mendapatkan bantuan dan penjelasan lanjut.

Kerjasama ibu bapa, penjaga dan pelajar dalam memastikan dokumen lengkap dan tepat amat dihargai bagi melancarkan proses pendaftaran dan pengajian di IBTE.

DISEDIAKAN OLEH:
UNIT KEMASUKAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR, PEJABAT PENDAFTAR
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI